

PM: KL pusat komunikasi

Ⓟ U.M. 25 JUN 1993

KUALA LUMPUR 24 Jun — Q&A' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pembinaan Menara Kuala Lumpur yang merupakan menara telekomunikasi canggih tertinggi di Asia akan mempercepatkan usaha menjadikan ibu negara sebagai pusat komunikasi yang penting di rantau ini.

Menurut Perdana Menteri, menara yang ketiga tertinggi di dunia ini dan dijangka siap pada tahun 1995 akan menjadi pusat komunikasi serbaguna yang mampu mengendalikan teknologi moden.

"Ia akan menjadi suatu mercu tanda yang akan menggembirakan seluruh rakyat negara ini," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan pembinaan 'superstructure' Projek Menara Kuala Lumpur, di Bukit Nanas, di sini, petang ini.

Menara ini yang tingginya 421 meter aoabila siap nanti akan menjadi menara televisyen yang ketiga tingginya di dunia selepas menara CNN di Toronto (553 meter) dan menara Moscow (537 meter).

Projek pembinaan menara ini yang menelan

belanja RM270 juta telah mula dibina pada Oktober 1991 dan dilaksanakan dalam tiga pakej.

Sambil melahirkan rasa gembira kerana projek tersebut mula menampakkan 'hasilnya', Dr. Mahathir berkata, rekabentuk Menara Kuala Lumpur adalah lebih cantik dan menarik daripada menara-menara lain di dunia.

Beliau juga berharap jurutera, arkitek, juruteknik dan pekerja-pekerja lain negara ini mendapat faedah daripada pemin-dahan teknologi hasil daripada pembinaan menara tersebut.

Pembinaan puncak menara pula yang direkacorak secara 'Muqarnas' iaitu rekabentuk Islam setinggi enam tingkat yang akan menempatkan

restoran berpusing akan dimulakan pada Januari tahun depan dan dijangka siap pada bulan Jun tahun yang sama.

Sebelum itu, Dr. Mahathir diberi taklimat mengenai perkembangan projek tersebut oleh Pengerusi Penyelaras Projek Menara Kuala Lumpur, yang juga Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat.